

# Keperwakilan lebih berkesan: PM

BH 26 APR 1994

Oleh Ahmad Kamal dan Lichong Angkui

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata penambahan dan perubahan kawasan persempadanan bahagian pilihan raya memberi peluang kepada rakyat mendapat perwakilan yang lebih sempurna dan berkesan.

Membentangkan usul laporan ulang kaji dan persempadanan bahagian pilihan raya itu di Dewan Rakyat hari ini, Perdana Menteri, berkata penambahan dan perubahan kerusi kawasan pilihan raya Parlimen dan Negeri itu dibuat selaras dengan perkembangan ekonomi dan sosial sejak lapan tahun lalu serta peningkatan bilangan penduduk atau pemilih.

"Perubahan sempadan bahagian pilihan raya bagi negeri-negeri yang tidak mendapat tambahan kerusi Parlimen atau Negeri perlu dibuat, sesuai dengan perubahan alam sekitar sebaran atau penempatan penduduk di seluruh Semenanjung dan Sabah.

Kuala Lumpur.

Selain itu, SPR mencajkan 43 kerusi tambahan bagi kawasan Dewan Undangan Negeri iaitu satu di Perlis; masing-masing empat di Kelantan, Negeri Sembilan dan Johor; masing-masing enam di Perak dan Selangor serta lapan di Kedah.

Dr Mahathir berkata, mengikut Perkara 46 Akta Perlembagaan (Pindaan) 1992 yang diluluskan Dewan Rakyat pada Oktober 1992, sebanyak 12 kerusi Parlimen ditambah menjadikan 145 kerusi bagi negeri di Semenanjung Malaysia dan tiada tambahan kerusi Parlimen bagi Sabah.

Berikutan pertambahan kerusi Parlimen itu, katanya, Dewan-Dewan Undangan Negeri bagi Perlis, Kedah, Kelantan, Perak, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor meminda perlembagaan negeri masing-masing untuk menambah bilangan kerusi.

Perdana Menteri berka-

"Penambahan dan perubahan kawasan pilihan raya Parlimen dan Negeri sebagaimana disyorkan dalam laporan ini, akan memberi peluang kepada rakyat mendapat perwakilan yang lebih sempurna dan berkesan," katanya ketika membentangkan laporan itu di Dewan Rakyat.

Usul laporan ulang kaji dan persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri bagi negeri-negeri Tanah Melayu (Semenanjung Malaysia) dan Sabah itu mengikut ketetapan Seksyen 10 Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan. Sarawak terkecuali dalam urusan ini.

Laporan setebal 700 muka surat itu mengandungi cadangan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) untuk menambah 12 kerusi Parlimen bagi tujuh negeri iaitu masing-masing satu di Perlis, Kedah, Kelantan dan Pahang; dua bagi Johor dan tiga masing-masing di Selangor dan Wilayah Persekutuan

ta, SPR memulakan kerja ulang kaji itu sejak Julai 1993 dengan menggunakan daftar pemilih yang disahkan pada April 1993 bagi negeri di Semenanjung Malaysia dan Mei 1993 bagi Sabah.

Menurutnya, jumlah pemilih bagi negeri di Semenanjung termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan ialah 6,839,844 orang iaitu 30.5 peratus tambahan pemilih berbanding 5,239,278 orang pada 1984.

Bagi Sabah pula, kata Dr Mahathir, jumlah pemilih ialah 598,312 orang atau purata pemilih Parlimen (berdasarkan 20 kerusi) sebanyak 29,915 orang dan purata pemilih Negeri (berdasarkan 48 kerusi) 12,464 orang.

"Walaupun kerusi Parlimen dan Negeri bagi Sabah tidak bertambah, SPR, berdasarkan ukuran dan panduan tertentu, mendapati perlu mengubahsuaikan sempadan bahagian-bahagian pilihan raya bagi seluruh negeri

LIHAT MUKA-3

## Keperwakilan berkesan: PM

DARI MUKA 1

itu supaya taburan pemilih menjadi lebih seimbang dan rakyat mendapat perwakilan yang adil," katanya.

Perdana Menteri memberitahu Dewan Rakyat, amat sukar bagi SPR untuk menseimbangkan pemilih bagi tiap-tiap bahagian pilihan raya di Sabah berpandukan kepada purata pemilih.

"Ini kerana ada kawasan luar bandar yang keadaan topografi dan demografinya amat luar biasa menyebabkan bilangan pemilih yang dicadangkan bagi bahagian tertentu di luar bandar lebih rendah daripada sepatutnya.

"Ini adalah suatu perkara yang tidak dapat dielakkan bagi negeri Sabah berikutan konsentrasi penduduk tertumpu ke kawasan tertentu sahaja, khususnya yang telah maju dan yang sedang dimajukan," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, SPR, dalam usahanya meringankan beban wakil rakyat Sabah, khususnya di kawasan yang mempunyai kemudahan perhubungan dan pengangkutan terhad atau tidak mempunyainya langsung, cuba mengurangkan keluasan sesebuah kawasan tanpa banyak menjejaskan jumlah pemilih.